

Pastikan BN menang majoriti lebih besar

UM 17 MAR 2004

SIBU 16 Mac — Semua calon Barisan Nasional (BN) perlu memastikan kemenangan dengan majoriti lebih besar pada pilihan raya umum ini bagi membuktikan kepada dunia bahawa perubahan kepimpinan negara ini tidak menjejaskan sokongan rakyat kepada kerajaan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kemenangan BN pada pilihan raya umum ke-11 akan membuktikan bahawa peralihan kuasa di Malaysia berjalan dengan baik dan kerajaan kini tetap menjadi pilihan di kalangan rakyat.

“Kerajaan BN sudah membawa pelbagai perubahan tanpa melupakan mana-mana kaum atau agama dan ini menjadi aset sebuah kerajaan yang bagus.

“Rakyat tentunya masih menerima pemerintah yang baik dan sekarang masanya untuk buktikan kepada dunia kebolehan Malaysia,” katanya ketika berucap pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Dewan Suarah, di sini, hari ini.

Tambahnya, sokongan bertenaran rakyat terhadap BN itu juga bakal menyaksikan lebih banyak kemajuan dicapai walaupun apa yang ada sekarang sudah meletakan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir meminta semua pengundi di Si-

bu keluar mengundi pada 21 Mac ini bagi memastikan kemenangan besar BN dan pembangunan berterusan di kawasan mereka.

Selain itu katanya, Malaysia dianggap sebagai sebuah negara maju oleh sesetengah negara berdasarkan kepada kemudaban yang disediakan kepada rakyat di dalam dan luar bandar.

“Ini kelebihan BN yang pastinya tidak dapat diteruskan sekiranya rakyat memilih pembangkang,” ujarnya.

Menurut Dr. Mahathir, perjuangan pembangkang sama ada Pas atau DAP semakin kabur serta dipenuhi janji-janji palsu yang nyata tidak dapat dipenuhi.

Beliau berkata, Pas dan DAP tidak mampu untuk membentuk sebuah kerajaan walaupun mereka memenangi semua kerusi Parlimen yang didudukinya sekali gus membuktikan janji mereka adalah palsu.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Dr. Mahathir mengulas mengenai manifesto pilihan raya Barisan Alternatif yang dianggap sebagai janji kosong.

“Kalau semua cukai tak dikutip macam mana nak belanja, ini janji yang diberi kerana tahu mereka tidak akan jadi kerajaan.

“Ini perkara biasa, Pas selalu bohong termasuk DAP sama saja memang mereka tidak boleh berikan apa yang dijanji,” katanya.